

# Philip D. Graham Memorial Scholarship Program – APAC

Philip D. Graham Memorial Scholarship Program – APAC membantu anak-anak pekerja yang merancang untuk meneruskan pendidikan mereka di kolej, universiti atau sekolah vokasional-teknik.

Program ini ditadbir oleh Scholarship America®, perea bentuk terbesar di negara ini dan pengurus biasiswa, bantuan tuisyen dan program sokongan pendidikan yang lain untuk perbadanan, yayasan, persatuan dan individu. Anugerah diberikan tanpa mengira bangsa, kulit warna, agama, orientasi seksual, jantina, kelainan upaya, asal-usul negara atau mana-mana kategori lain yang dilarang mengikut undang-undang.

## Kelayakan

Pemohon Philip D. Graham Memorial Scholarship Program – APAC mestilah:

- Anak tanggungan\*, berumur 26 tahun dan ke bawah, merupakan pekerja sepenuh masa Graymont di Australia, Malaysia, New Zealand atau Filipina yang mempunyai sekurang-kurangnya setahun pengalaman bekerja dengan syarikat ini atau syarikat terdahulu, sebelum tarikh akhir permohonan. Untuk layak menerima anugerah baharu atau anugerah pembaharuan, ibu bapa penerima mesti bekerja secara aktif dan dalam senarai gaji syarikat pada masa penerima disahkan oleh Graymont atau apabila anugerah pembaharuan perlu dibayar.  
*Anak tanggungan ditakrifkan sebagai anak kandung, anak tiri atau anak angkat yang sah di sisi undang-undang.*
- Pelajar tahun akhir dalam sekolah menengah atau siswa yang merancang untuk mendaftar atau pelajar yang sudah mendaftar untuk kursus pengajian ijazah sepenuh masa di kolej dengan akreditasi, universiti atau sekolah vokasional-teknik.

*Anak tanggungan ahli Pasukan Kepimpinan Strategik Graymont adalah tidak layak.*

## Ganjaran

Jika terpilih sebagai penerima, pelajar akan menerima ganjaran sebanyak \$2000 USD. Sehingga dua (2) ganjaran akan diberikan setiap tahun. Andainya ada pemohon-pemohon yang layak, satu penghargaan akan dianugerahkan kepada seorang pelajar yang terlibat dalam pendidikan dan latihan di sekolah vokasional-teknikal.

Ganjaran boleh diperbaharui sehingga tiga tahun tambahan atau sehingga ijazah vokasional-teknik atau ijazah sarjana muda diperoleh, mengikut yang mana satu diperoleh terlebih dahulu. Pembaharuan bergantung kepada prestasi akademik yang memuaskan dalam kursus pengajian sepenuh masa dan penyambungan program oleh Graymont.

Ganjaran adalah untuk pengajian perijazahan sahaja.

## Pemilihan Penerima

Penerima biasiswa terpilih mengikut dasar prestasi akademik, menunjukkan kepimpinan dan penyertaan dalam aktiviti sekolah dan komuniti, pengalaman kerja, pernyataan matlamat dan objektif kerjaya serta pendidikan, keadaan peribadi atau keluarga yang ganjil, serta pengesyoran (pengsyor bukanlah bersaudara dengan anda).

Keperluan kewangan tidak dipertimbangkan.

Pemilihan penerima dibuat oleh Scholarship America. Tidak ada pegawai atau pekerja Graymont yang mengambil bahagian dalam pemilihan. Bukan semua pemohon program akan dipilih sebagai penerima. Pelajar boleh memohon semula bagi program ini pada setiap tahun mereka memenuhi syarat kelayakan. Semua pemohon perlu bersetuju untuk menerima keputusan sebagai muktamad.

## Pemberitahuan

Semua pemohon akan dimaklumkan pada bulan November.

## Dokumen yang Diperlukan

Sebagai sebahagian daripada permohonan anda, anda mesti memuat naik dokumen berikut:

- Rekod akademik gred/ markah yang lengkap dari tiga tahun sebelumnya. Rekod akademik mesti memaparkan nama pelajar, nama sekolah, gred/ markah dan tahun atau penggal bagi setiap kursus yang diambil.

**Borang pengesyoran juga mestilah diserahkan bagi pihak anda. Pengesyor tidak boleh daripada kalangan keluarga anda.**

Permohonan anda **tidak** lengkap melainkan semua dokumen yang diperlukan diserahkan seacra elektronik.

## Tarikh Akhir Program

Permohonan anda mestilah diserahkan pada atau sebelum **24 September jam 3 petang. Waktu Tengah.**

## Ada soalan? Hubungi kami:

E-mel: [graymont-pdgmemorial-apac@scholarshipamerica.org](mailto:graymont-pdgmemorial-apac@scholarshipamerica.org)

Hubungi: 1-507-931-1682 dan tanya tentang Philip D. Graham Memorial Scholarship Program – APAC